



AMANAT TAHUN BARU 2022
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Makmur.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ALHAMDULILLAHIR RABBIL A'ALAMIN

WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN

WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah dan inayahNya, sekali lagi kita diberi peluang untuk bersama-sama melangkah ke Tahun Baharu 2022.

Tahun 2021 telah berjaya kita lepasi walaupun kita masih diuji dengan pandemik COVID-19 dan cabaran politik tanah air. Pandemik COVID-19 telah banyak memberi perubahan kepada persekitaran kehidupan dan amalan seharian kita. Perubahan yang berlaku ini turut memberi impak yang besar dalam dunia pekerjaan dan perkhidmatan kita. Norma baharu dan Prosedur Operasi Kerja (SOP) yang ditetapkan oleh



Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu diterima pakai dan diadaptasi secepat dan sebaik mungkin.

Kita semua sedar, cabaran memerangi COVID-19 masih dirasai di sepanjang tahun 2021. Walaupun Kerajaan telah berusaha keras untuk menangani penularan ini, namun ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk dilaksanakan tanpa adanya kerjasama dari semua pihak sama ada dari pihak swasta mahupun masyarakat umumnya. Bermula dengan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan kepada cabaran Pematuhan SOP, dan cabaran pelaksanaan vaksinasi serta seterusnya membawa kepada kematangan Kerajaan dalam menguruskan situasi kritikal Negara. Dalam hal ini, DOSM juga tidak ketinggalan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan sepanjang tahun 2021 dalam usaha mengekalkan penyebaran statistik kepada Negara.

Sehubungan itu, sebagai agensi yang berperanan untuk memberikan Perkhidmatan statistik terbaik kepada Negara, DOSM akan terus meningkatkan kepantasan dalam menghasilkan statistik yang pelbagai demi menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi Negara kesan daripada penularan COVID-19.

PENCAPAIAN TAHUN 2021

Walaupun DOSM berhadapan dengan krisis pandemik sejak Mac 2020 dan berlarutan sehingga kini, ucapan tahniah yang tidak terhingga harus saya zahirkan kepada semua anggota DOSM yang berjaya



melaksanakan tanggungjawab untuk Negara dengan menghasilkan produk dan perkhidmatan seperti yang dijadualkan.

Dalam senario negara yang sedang beralih ke fasa pemulihan daripada krisis pandemik, DOSM perlu cekap dan pantas dalam menyampaikan statistik mengikut keperluan utama negara. Pandemik ini telah banyak mengajar kita norma baharu dalam menghadapi kehidupan seharian dan menjadikan kita insan atau manusia lebih bersifat teliti dalam meneruskan tanggungjawab dalam menghasilkan data yang berkualiti. Modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi dikalangan anggota DOSM merupakan faktor utama dalam mengecapi kejayaan saban tahun. Disamping itu, DOSM turut melipatgandakan keperluan terhadap adaptasi teknologi baharu untuk menggerakkan tugas harian anggota DOSM. Teknologi analitik data raya adalah antara salah satu sistem digital baharu yang sedang diperkukuhkan terutamanya dalam mendorong inovasi produk serta proses yang lebih cekap menerusi peningkatan kemahiran anggota DOSM.

Selain itu, DOSM turut terus memperkukuhkan penyusunan statistik sedia ada mengikut keperluan pemegang taruh dan pengguna di samping mengoptimumkan revolusi data melalui data raya. Dalam memacu analitik data sektor awam, DOSM turut memperkasa kerjasama strategik dengan kementerian, jabatan, agensi, universiti bagi membudayakan penyelidikan berasaskan statistik rasmi. Setiap tahun DOSM tidak pernah gagal dalam mengeluarkan produk dan Perkhidmatan statistik yang dirancang samada untuk keperluan dalam negara mahupun antarabangsa.



A. DALAM NEGARA

1. Pengeluaran Laporan Statistik

Pada tahun 2021, sebanyak 509 buku laporan statistik telah diterbitkan berbanding tahun 2020 dengan hanya 457 penerbitan. Pecahan penerbitan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

- i. 195 penerbitan secara bulanan;
- ii. 56 penerbitan secara suku tahunan;
- iii. 86 penerbitan secara tahunan; dan
- iv. 172 penerbitan baru *My Local Stats* mengikut Daerah

DOSM turut membuat perkongsian statistik berbentuk grafik dikenali sebagai *Stats Alert* yang memaparkan ringkasan penemuan Banci/survei yang dijalankan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 241 *Stats Alert* telah disediakan dan diedarkan melalui emel kepada lebih kurang 5,957 penerima tetap yang terdiri daripada:

- i. Menteri dan Timbalan Menteri;
- ii. Ketua-Ketua Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Persatuan/ di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- iii. Pensyarah-Pensyarah Universiti;
- iv. Pengetua-Pengetua Sekolah;
- v. Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun.



2. Perkhidmatan Statistik

Penglibatan aktif DOSM di dalam dan luar Negara telah banyak menuntut DOSM untuk mempelbagaikan sistem penyampaian statistiknya yang bertaraf antarabangsa. Penerimaan masyarakat juga terhadap kepentingan statistik dalam kehidupan telah banyak merubah cara kerja anggota DOSM. Sebagai menghargai sokongan padu masyarakat dalam dan luar Negara, DOSM telah menyediakan pelbagai platform capaian statistik mengikut keperluan pengguna. Antara platform yang telah dibangunkan oleh DOSM pada tahun 2021 adalah:

i. ***Agricultural Analytical System***

DOSM telah membangunkan ***Agricultural Analytical System*** yang telah dilancarkan pada 23 Mac 2021. Sistem ini memaparkan statistik sektor Pertanian yang terdiri daripada empat produk pertanian utama iaitu kelapa sawit, getah, ternakan (ayam dan itik) dan perikanan (marin dan akuakultur). Tujuan Pembangunan platform ini adalah untuk memudahkan akses dan seterusnya bagi tujuan analisis data pertanian negara.

ii. ***Malaysia Economic Indicators Dashboard***

DOSM juga telah menyediakan Papan Pemuka Petunjuk Ekonomi Malaysia (*Malaysia Economic Indicators Dashboard*) yang memberikan gambaran ringkas keadaan ekonomi semasa Malaysia berdasarkan prestasi penunjuk ekonomi utama yang dipilih. Papan pemuka mengandungi lapan petunjuk ekonomi utama: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Pekerjaan, Komoditi, Harga, Pembuatan, Perkhidmatan, Perdagangan Antarabangsa dan



Imbangan Pembayaran. Penunjuk ini dibentangkan secara visualisasi interaktif siri masa bulanan, suku tahunan dan tahunan.

iii. *National Occupational Accident Statistics*

National Occupational Accident Statistics mengandungi statistik kadar kemalangan pekerjaan yang diperincikan mengikut jenis kemalangan dan kecederaan, punca kemalangan, faktor penyebab kemalangan, industri dan negeri bagi tahun 2020. Statistik kemalangan pekerjaan amat penting untuk menilai sejauh mana tempat pekerjaan dan persekitaran kerja selamat dan terjamin. Statistik ini menyediakan maklumat pendedahan pekerja terhadap risiko di tempat kerja dan memaparkan golongan pekerja yang paling mudah terdedah kepada kemalangan pekerjaan.

iv. *Job Market Insights Dashboard*

Sejak serangan COVID-19 diseluruh dunia, Malaysia tidak terkecuali dari tempas masalah pekerjaan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Inisiatif yang dibuat oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini telah menarik DOSM untuk mencari satu kaedah yang dapat memberikan gambaran keadaan pekerjaan Negara dengan data-data yang dikutip dari lapangan. Rentetan daripada itu, DOSM telah berjaya membangunkan *Job Market Insights* (JMI) yang membentangkan ringkasan maklumat jawatan kosong *online* di Malaysia. JMI ini menyasarkan untuk menilai perubahan dalam permintaan tenaga kerja dari semasa ke semasa sambil memudahkan semua pihak yang berminat untuk mengumpul pandangan berharga untuk membuat keputusan. Statistik ini



disusun berdasarkan jawatan kosong dalam talian yang diiklankan oleh laman web pengambilan popular swasta dalam tempoh rujukan.

v. *My Job Profile*

DOSM turut memperkenalkan portal maklumat kerjaya dalam talian yang menawarkan perincian mendalam mengenai pekerjaan di Malaysia mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 4 digit. Melalui portal ini, maklumat pekerjaan yang berkualiti dan terkini akan tersedia untuk pelbagai kategori pengguna bagi membantu mereka membuat keputusan yang tepat mengenai kerjaya dan aspirasi masa depan mereka.

3. *Penganjuran Hari Statistik Negara*

Sambutan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) 2021 telah dianjurkan pada 20 Oktober 2021. Slogan "*Connecting The World With Data We Can Trust*" merupakan tema sambutan pada tahun 2021. Bersempena sambutan *MyStats Day* kali ini, DOSM juga turut dalam mengadaptasi norma baharu dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat seperti yang diwartakan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia seperti tahun 2020. Pelbagai aktiviti Sambutan HSN 2021 telah dilaksanakan oleh DOSM di seluruh Negara termasuk mengadakan *Stats Executive Talk*, *Stats Buletin Parlimen* dan DUN, *Stats Kuiz*, *Sesi Literasi Statistik* dan *Stats Prihatin*. Disamping itu, melalui *Kelab Sukan Statistik* (KSS), DOSM juga telah menganjurkan pertandingan *Virtual MyStats Run/Ride*, *Pertandingan Video Kreatif 2021* dan *eSport*.



4. Persidangan MyStats 2021

Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) 2021 adalah persidangan kali ke-8 yang telah diadakan pada **20 Oktober 2021** dengan tema '***Navigating Resilient Recovery Through Statistics***'. Persidangan MyStats ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM) sempena Sambutan Hari Statistik Negara. Persidangan ini adalah untuk berkongsi hasil analisis dan penemuan baharu serta bertukar pandangan dan idea dikalangan pencinta statistik seperti penyelidik, pakar statistik, industri, universiti dan pengguna data berkenaan cabaran dalam penyusunan, penggunaan dan penyebaran statistik rasmi Negara.

5. Pelancaran Pusat Analitik Data Raya Negara

DOSM menapak selangkah lagi ke hadapan dengan melakukan kerjasama bersama Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) melalui penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara. Penubuhan ini bertujuan membantu sektor awam ke arah penggubalan dasar yang lebih komprehensif dan tepat. Ia juga bertujuan menyokong hasrat kerajaan dalam memastikan setiap perancangan dan pembuat keputusan berlandaskan analitik data selaras dengan inisiatif kerajaan digital yang dijangka akan memberikan impak positif seperti menjamin ketersediaan data lebih komprehensif di sektor kerajaan dalam merangka dasar jangka pendek dan jangka panjang negara.



6. Penerbitan *My Local Stats 2020*

DOSM juga telah menerbitkan laporan *My Local Stats 2020* pada 26 Oktober 2021 yang mengandungi pelbagai maklumat statistik sosio-ekonomi utama di peringkat daerah yang boleh diakses orang awam. Kini masyarakat dapat mengetahui dan meneliti segala perkembangan terkini berkaitan ekonomi dan sosial di tempat kelahiran atau tempat tinggal masing-masing melalui penerbitan *My Local Stats 2020*. Antara statistik yang disajikan dalam laporan ini adalah statistik seperti bilangan penduduk, struktur pendapatan isi rumah, sumbangan ekonomi dan lain-lain.

7. DOSM *Stats Relief (DSR)*

Pada 18 Disember 2021, negara telah dikejutkan dengan bencana banjir yang telah melanda beberapa negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Bencana alam ini telah memusnahkan harta benda dan nyawa penduduk Malaysia termasuk 114 keluarga anggota DOSM. Justeru, atas dasar tanggungjawab dan prihatin, DOSM Stats Relief (DSR) telah diwujudkan bagi membantu anggota DOSM yang terkesan akibat daripada bencana banjir ini. DSR ini merupakan satu misi bantuan yang telah mula beroperasi pada 20 Disember 2021 terdiri daripada sukarelawan warga DOSM termasuk kelab, persatuan dan kesatuan.

DSR telah digerakkan secara berkumpulan dan bersasar ke tempat kediaman warga DOSM yang terjejas akibat banjir. DSR ini meliputi aktiviti membersihkan rumah mangsa banjir, menghulurkan bantuan makanan



dan barangan keperluan asas serta memberikan sokongan moral kepada mangsa banjir.

Disamping itu, DOSM turut menyediakan satu tabung khas bantuan bencana banjir bagi mengutip sumbangan kepada mangsa banjir. Sumbangan yang dikutip telah diserahkan kepada mangsa banjir dalam bentuk barangan keperluan harian.

Aktiviti DSR ini akan diteruskan sehingga semua anggota DOSM yang terkesan banjir telah berada dalam keadaan selesa. Diharapkan misi ini berjaya mencapai objektifnya dalam meringankan beban mereka yang memerlukan disamping menjadi sebuah khidmat masyarakat DOSM kepada Keluarga Malaysia.

B. LUAR NEGARA

Sehingga kini, DOSM terus menyandang keahlian dan menjawat jawatan Pengerusi dan Naib Pengerusi dalam pertubuhan statistik antarabangsa, khususnya di rantau ASEAN dan Asia Pasifik. Antaranya adalah Pengerusi *Working Group on System of National Accounts (WGSNA)*, 2021-2022; *Working Group International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS)*, 2019-2021; Naib Pengerusi *7th Bureau of the ESCAP Committee on Statistics*, 2020-2022; Naib Pengerusi *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific*, 2019-2024; dan Naib Pengerusi *Steering Group for the Regional Programme for the Improvement of Economic Statistics in Asia and the Pacific*, 2021-2022.



Sepanjang tahun 2021, DOSM telah diiktiraf sebagai ahli baharu dalam 13 pertubuhan statistik dunia seperti *Praia Group Task Team on Non-Discrimination and Equality; Task Team on International Trade Statistics of the UN Committee of Experts in Business and Trade Statistics; Senior Focal Points in Household Surveys; Advisory Group of the Handbook on Management and Organization of National Statistical Systems Forth Edition; 4 Task Teams- Global Working Group on Big Data for Official Statistics; Data Stewardship Working Group; Expert Group on Migration; United Nations Committee of Experts on International Statistical Classifications (UN CEISC); Task Teams on the revision of International Standard Industrial Classification of All Economic Activities Rev.4 (ISIC Rev. 4); Task Teams on the Central Product Classification Ver. 2.1 (CPC Ver 2.1); dan International Comparison Program (ICP) Governing Board, 2021 cycle (Q2 2021 to Q2 2024).*

Di samping itu, tahniah dan syabas diucapkan kepada anggota yang sehingga kini terus menyalurkan kepakaran dan komitmen dalam kumpulan pakar seperti *Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs); Steering Group for the Regional Programme on Economic Statistics (RPES); Regional Steering Group on Population and Social Statistics in Asia and the Pacific (SGPSS); Inter-Agency and Expert Group (IAEG) on Disaster-related statistics; Data Integration Community of Practice (DI-CoP); Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific; United Nations Committee of Experts on Environmental-Economic*



Accounting (UN CEEA); City Group: Washington Group on Disability Statistics dan sebagainya.

DOSM terus bersemangat menjalani kehidupan dalam norma baharu ini untuk terus membina rangkaian jalinan hubungan serta bertukar pandangan bersama pakar-pakar statistik dari pelbagai negara di peringkat antarabangsa. Antara acara utama yang disertai DOSM adalah *52nd Session of United Nation Statistical Commission* yang mana DOSM terlibat aktif dengan memberikan *37 Country Statement* secara bertulis dan lisan serta menyertai *52 Side Events* semasa sesi tersebut. Bagi pengukuhan kapasiti dalam penulisan journal dan kertas teknikal, seramai 40 delegasi DOSM telah menyertai *International Statistical Institute's 'World Statistics Congress 2021 (ISI WSC 2021)* dan lebih kurang 230 orang pegawai menyertai *United Nations World Data Forum 2021 (UNWDF 2021)* secara fizikal dan maya.

Sepanjang 2021, DOSM telah menyertai 264 program antarabangsa yang melibatkan 2,293 orang pegawai berbanding 106 program pada tahun 2020 yang hanya melibatkan 1,083 orang pegawai. Dengan penglibatan ini, anggota dapat memperluaskan pengeluaran statistik negara agar lebih responsif dalam komuniti dengan meningkatkan permintaan statistik yang berkualiti tinggi ke arah pelaksanaan Agenda 2030 Pembangunan Mampan secara bersama di peringkat global bagi melancarkan pelaksanaan program di Malaysia seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan sebagainya.



Selaras dengan penyertaan DOSM di peringkat antarabangsa, diharap semua anggota dapat terus komited dalam menyumbang kepakaran dan idea bagi memperkasakan pembinaan keupayaan Jabatan dengan menjadi pakar rujuk di peringkat global dan dapat mewujudkan *Subject Matter Expert* (SME) dalam bidang statistik.

C. JALINAN KOMUNIKASI DAN KERJASAMA STATISTIK

DOSM sentiasa menitikberatkan jalinan komunikasi dikalangan pengguna data dan masyarakat melalui pelbagai medium terutama media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan *Youtube*.

Kerjasama strategik dua hala antara DOSM dengan agensi dan swasta dalam dan luar Negara amat dialu-alukan melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Kerjasama seperti ini telah dimulakan sejak tahun 2013 dan sehingga 2021, sebanyak 37 MoU berbanding 34 MoU pada tahun 2020 telah dimeterai. Pada tahun ini, 3 MoU telah ditandatangani bersama HDC, SSM dan BNM.

Di samping itu, DOSM juga berusaha menanamkan semangat cintakan statistik di kalangan pelajar-pelajar melalui program literasi statistik daripada kolej dan universiti ke DOSM. Sepanjang tahun 2021, DOSM telah melaksanakan inisiatif pelaksanaan program ini secara dalam talian. Program ini dapat mendedahkan kepada pelajar berkenaan dengan visi, misi dan fungsi DOSM serta sekaligus memberi penerangan berkaitan produk dan perkhidmatan DOSM, kaedah kutipan data serta pendedahan kepentingan bidang pendidikan yang diceburi oleh pelajar dalam Pembangunan sosioekonomi Negara.



DOSM juga mengamalkan prinsip keterbukaan kepada umum dimana sentiasa mengalu-alukan kunjungan daripada agensi kerajaan lain, industri dan NGO yang berhasrat untuk mendapatkan penerangan lanjut berkenaan statistik yang dikeluarkan oleh DOSM. Disebabkan keadaan negara masih bergelut dengan COVID-19, arahan kerajaan berkenaan larangan kunjungan secara bersemuka bagi mencegah penularan COVID-19, maka sepanjang tahun 2021, DOSM hanya menerima sebanyak 30 Kunjungan Muhibah/ Hormat dari pelbagai pihak yang ingin mendapatkan khidmat nasihat teknikal dalam bidang statistik. Namun begitu, DOSM tetap mampu untuk menyampaikan statistik dengan jayanya.

D. HASRAT DAN IMPIAN DOSM DI 2022

Pelaksanaan Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia) yang telah berakhir pada 31 Oktober yang lalu merupakan cabaran utama DOSM sepanjang tahun 2021. Ini kerana Banci Malaysia 2020 terpaksa dilaksanakan dengan beberapa penyesuaian fasa demi menjaga keselamatan semua pihak. Proses pelaksanaan Banci Malaysia pada kali ini dianggap sangat istimewa dan akan menjadi sejarah dalam pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. Tercatat dalam sejarah buat pertama kalinya Banci Malaysia dilaksanakan ketika negara sedang dihambat satu keadaan begitu sukar yang tidak pernah berlaku dalam negara apabila krisis kesihatan dan ekonomi berlaku serentak. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan telah mendorong DOSM untuk mempertingkatkan strategi pelaksanaan banci bagi memastikan pelaksanaan Banci tidak terjejas tetapi dapat



memberikan output yang sama sepertimana pelaksanaan Banci dalam norma yang biasa. Keputusan DOSM untuk menggunakan kaedah pembancian secara dalam talian iaitu *e-Census* sangat bertepatan masa ketika mana aktiviti bersemuka perlu dikurangkan bagi mengekang penularan COVID-19.

Keyakinan tinggi serta semangat berpasukan warga DOSM dari semua peringkat serta sokongan padu dari pihak Kerajaan, merupakan pendorong dan kekuatan utama DOSM untuk meneruskan pelaksanaan Banci Malaysia kali ini. DOSM perlu cekap dalam menguruskan sumber dan aset yang ada bagi memastikan tugas pembancian tidak terjejas. 31 Oktober 2021 akhirnya menjadi tarikh penamat Banci Malaysia 2020. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta syabas kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah berjaya dibanci dan seterusnya mengisi sepenuhnya maklumat ahli isi rumah melalui sistem *e-Census* mahupun secara bersemuka. Kejayaan penggunaan pembancian secara atas talian ini dapat membuktikan bahawa Malaysia telah bersedia sepenuhnya menghadapi dunia teknologi tinggi IR 4.0.

Bagi memastikan DOSM terus maju dan inklusif dalam merangka hala tuju ke arah masa hadapan yang lebih dinamik dan menghadapi dunia Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), DOSM telah merangka strategi dalam Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025 untuk menjadi **'Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejangat'**. Pelan strategik untuk tempoh lima (5) tahun ini merupakan garis panduan bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan selaras dengan dasar-dasar semasa kerajaan, kehendak



dan keperluan pelanggan Jabatan serta landskap sosioekonomi dan cabaran yang berlaku di peringkat nasional dan global.

Penentuan teras strategik bagi tempoh 2021-2025 adalah berpandukan kepada transisi dalam persekitaran sosioekonomi global, kerangka dasar pembangunan negara, perkembangan komuniti statistik antarabangsa, revolusi teknologi maklumat dan komunikasi, era pendigitalan, pemerksaan modal insan serta peningkatan kompleksiti permintaan produk dan perkhidmatan statistik. Seajar dengan norma baharu, DOSM juga tidak ketinggalan dalam menjalankan variasi program secara maya bagi mengekang sebarang aktiviti bersemuka di samping memenuhi evolusi ekonomi dan sosial sebagai input untuk membantu perancangan dasar dan program untuk menangani krisis sosial dan ekonomi.

Pelaksanaan Pengukuhan Sistem Statistik Negara yang sedang dilaksanakan oleh DOSM bertujuan untuk mempertingkatkan sistem statistik Malaysia yang sedia ada bagi mengharungi cabaran yang dinamik pada masa sekarang dan masa hadapan. Satu badan penasihat tertinggi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia akan ditubuhkan dimana badan penasihat ini berperanan dan bertanggungjawab untuk memberi panduan dan hala tuju dalam memantapkan sistem statistik negara. Ia juga menjadi platform bagi membincangkan penyelarasan maklumat peringkat negara (Kerajaan dan swasta), penyaluran data terkini, keharmonian daripada segi proses kerja statistik negara yang merupakan satu elemen teras dalam kerangka kerja sistem statistik negara.



Dalam menyahut lembaran 2022 ini, saya ingin menyeru dan mengajak seluruh warga DOSM supaya kekal bersedia dan komited dalam menghadapi apa jua cabaran bagi memastikan DOSM kekal unggul dan terus berperanan untuk memberikan Perkhidmatan statistik terbaik kepada Negara. Kejayaan dan pencapaian yang telah digarap pada tahun sebelum ini haruslah dijadikan sebagai pembakar semangat untuk meningkatkan lagi momentum agar mencapai tahap yang lebih membanggakan pada tahun 2022.

Saya ingin merakamkan ucapan Selamat Tahun Baharu 2022 dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga DOSM di atas dedikasi dan komitmen dalam memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan melalui semangat muhibah dan jalinan kerjasama dan seterusnya berjaya memanifestasikan DOSM sebagai satu jenama global di persada antarabangsa.

STATISTIK NADI KEHIDUPAN

SELAMAT TAHUN BARU 2022

Sekian.

“Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh”.